

04 DEC 1999

Adnan-Engkar

ANGGOTA UMNO ENGGAR PESANAN PM, KATA ADNAN

PEKAN, 4 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob menyifatkan kekalahan Umno di Pahang kepada parti pembangkang pada pilihan raya kali ini bukan disebabkan kekuatan parti pembangkang tetapi kelemahan Umno sendiri.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Barisan Nasional sudah banyak kali mengingatkan supaya anggota Umno melupakan perselisihan dalaman dan menumpukan pada pilihan raya dan memenanginya.

"Seruan PM ini tidak dihiraukan oleh golongan tertentu. Mereka engkar dengan arahan, pesanan dan amanat PM supaya melupakan perpecahan dan perselisihan sesama sendiri," katanya kepada pemberita selepas majlis mengangkat sumpah Menteri Besar Pahang yang ke-14 di Istana Abu Bakar, di sini.

Pada pilihan raya umum Isnin lepas, Barisan Nasional di Pahang tumpas di lapan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Penur, Kuala Pahang, Cini, Tahan, Semantan, Guai, Triang dan Jengka.

Calon Umno bertanding di semua kawasan itu kecuali di Triang yang diwakili oleh parti komponen BN, Gerakan.

Mengenai fenomena baru iaitu pembangkang mula bertapak di Pahang, Adnan percaya ia tidak kekal dan cuma bersifat sementara dan gelombang seperti itu terdapat di seluruh negara.

"Tiada benda yang kekal. Ia berubah-ubah dan saya tak percaya ini satu fenomena yang kekal," katanya.

"Kita dapat pertahankan Pahang inipun syukur Alhamdulillah. Jadi ia merupakan satu rahmat kerana ia boleh mencerminkan diri sendiri dan cari jalan mengatasi kelemahan yang ada," kata Adnan.

-- BERNAMA

SHS RHM